

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN:**

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada perlu atau semestinya pihak-pihak tertentu untuk menjemput seorang pendakwah kontroversi seperti Zakir Naik ke Malaysia yang mana ucapannya boleh memudaratkan keharmonian agama di negara yang berbilang kaum seperti di Malaysia.

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dr. Zakir Naik merupakan seorang pendakwah yang terkenal dan mendapat tempat di seluruh dunia, bahkan India sendiri telah memberikan tempat dan kebebasan kepada beliau untuk menyampaikan dakwah. Malah Malaysia pernah mengiktiraf Zakir Naik

sebagai Tokoh Maal Hijrah Antarabangsa 2013 berdasarkan kepada ketokohan beliau dan keilmuan yang dimiliki. Tokoh perbandingan agama ini sangat dihormati, mementingkan hujah-hujah ilmiah dan akademik serta fakta yang tepat dengan merujuk kepada sumber asal sesuatu agama dalam setiap ceramahnya.

Jelajah ceramah Dr. Zakir Naik bukan menghina agama lain sebaliknya mempromosi perpaduan dan kesatuan dalam kalangan umat Islam. Ceramah yang dijalankan juga langsung tidak mempromosikan perpecahan dan perbalahan. Malah setiap ceramah beliau sering dihadiri oleh tokoh-tokoh dalam kalangan bukan Islam. Meskipun dalam ceramah-ceramah beliau ada menyebut agama lain, ia bukannya bertujuan mengaibkan sesuatu agama tersebut namun merupakan perbincangan dan perdebatan ilmiah serta akademik yang dilaksanakan dengan penuh hikmah dan ketertiban. Program ini juga telah mendapat kebenaran pihak berkuasa tempatan dan pihak berkuasa agama negeri.

Sehubungan itu, pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa agama negeri-negeri [Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) ] dan pihak keselamatan amat memberi penekanan mengenai keharmonian agama di negara ini. Para pendakwah yang hendak berdakwah di negara ini tidak dibenarkan mempromosi perpecahan kaum dan tapisan keselamatan dilakukan kepada penceramah serta mereka yang terlibat.

Sekian, terima kasih.